

# Jarak tidak jadi penghalang PST juara Kejuhanan Silat Piala TPM

BATU PAHAT - "Kami tak sangka yang latihan bersama tak sampai dua minggu ni, membuah hasil apabila dinobatkan Juara Keseluruhan Kategori Antarabangsa," kata Jurulatih Pasukan Pusat Sukan Tumpuan (PST), Ahmad Faizal Abu Bakar.

Ahmad Faizal berkata, pasukan itu berjaya merangkul lapan pingat emas dalam Kejuhanan Silat Piala Timbalan Perdana Menteri (TPM) Edisi Ke-8 Tahun 2017.

Menurutnya, disertai 23 individu, PST juga berbeza dengan pasukan lain yang terdiri daripada penuntut universiti, pastinya memberikan cabaran utama.

"Cabaran yang kami hadapi ini dijadikan sebagai pendorong dan bukannya penghalang. Kecanggihan teknologi juga jadi platform untuk kami kongsi ilmu persilatan.

"Kami guna *WhatsApp* dan *We Chat*, untuk berinteraksi dan berkongsi teknik dalam

bentuk teks mahu pun video. Mulanya kami bimbang kerana tak dapat bertemu dan jalani latihan secara bersama.

"Tapi kini dengan kejayaan diperolehi ini, buatkan jarak bukanlah penghalang untuk kami jadi juara," katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian hadiah, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Sementara itu, seorang pesilat PST, Nur Amalina Husna Abdul Rashid, 21, berkata, dia tidak terbeban apabila perlu berlatih sendirian secara fizikalnya.

Menurutnya, dia turut mempelajari teknik baharu melalui aplikasi telefon bimbit diajar jurulatihnya dan menyatakan berlatih secara sendirian seperti ini perlulah mempunyai ke rajinan dan disiplin diri yang tinggi.

"Alhamdulillah walaupun berlatih sendirian, akhirnya dapat juga saya peroleh pingat emas dalam kejuhanan kali ini," katanya.



Juara keseluruhan, pesilat daripada pasukan PST bersama piala yang mereka menangi dalam Kejuhanan Silat Piala TPM 2017 yang diadakan di UTHM.